

# Manfaatkan terus rundingan — Mahathir

JITRA, Sabtu — Umno mahu perbincangan dengan Pas bagi mengendurkan ketegangan antara umat Islam disebabkan fahaman politik yang berbeza diteruskan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berka-  
ta pertemuan pertama antara pemimpin kedua-dua parti bulan lalu menghasilkan beberapa kebaikan.

Namun demikian, beliau kecewa kerana ada pemimpin tertentu dalam parti pembangkang itu tidak bersetuju dan tidak mahu rundingan diteruskan.

"Walaupun kita mempunyai harapan akan ada lagi pertemuan dan perjumpaan seperti itu supaya dapat kita berbin-

Oleh  
**AHMAD PUAD ONAH**

cang lebih panjang bagi mencari cara mengatasi masalah perpaduan umat Islam, pihak-pihak itu tidak lagi mahu berjumpa.

"Sebaliknya mereka ingin mencari penyelesaian secara bersendirian dan membuat keputusan sendiri. Ini mustahil dicapai kerana perbalahan itu membabitkan dua pihak.

"Saya berasa amat dukacita mereka mengambil sikap seperti itu dan berharap ini terhad kepada pemimpin-pemimpin tertentu sahaja," katanya ketika berucap di majlis berbuka puasa dan Nuzul Quran,

di Masjid Kampung Malau, dekat sini malam tadi.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, umat Islam sepatutnya mengelak ketegangan sesama sendiri dengan mengadakan perbincangan atau muzakarah secara aman damai berpandukan kepada al-Quran dan Hadis.

"Memandang kepada perkara inilah saya dan rakan saya mencari jalan untuk mengendurkan ketegangan antara orang Islam disebabkan fahaman politik dengan menjemput pemimpin-pemimpin sebuah parti yang menentang Umno supaya dapat kita berbincang sebagai insan yang berperikemanusiaan dan berpegang kepada ajaran Islam," ujarnya.

Beliau bersyukur jemputan itu diterima baik dan perbincangan yang diadakan dapat mengendurkan sedikit suasana yang tegang.

"Pada mulanya mereka menafikan adanya perjumpaan itu, tetapi akhirnya mereka mengaku ia berlangsung. Bagaimanapun, mereka tidak menerima bahawa ia adalah satu kebaikan," tambahnya.

Katanya, umat Islam sepatutnya bersaudara antara satu sama lain dan perlu berusaha untuk mencapai perpaduan kerana ia dituntut oleh Islam.

## Mengutuk

"Kalau ada orang Islam yang tertindas atau dizalimi oleh mana-mana pihak, kita patut turut berasa sedih, berasa tertekan dan bersimpati.

"Sebab itu apabila Amerika Syarikat menggururkan bom ke atas Libya, walaupun tidak seorang rakyat Malaysia terbunuh atau cedera, kita mengutuk kezaliman yang dilakukan," ujarnya.

Perdana Menteri berkata, sikap mengutuk kezaliman harus menjadi pegangan setiap umat Islam walau di mana sekalipun ia berlaku. Kerajaan, katanya, berlaku adil dan sesiapa sahaja yang melanggar undang-undang akan dikenakan tindakan, tidak kira mereka anggota parti pemerintah atau pembangkang.